



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (92)

Tarikh: 1 November 2025

## PESTA RENANG MBPJ KE-15 2025 MERIAHKAN KELANA JAYA

**PETALING JAYA, 1 November 2025** – Lebih 1,300 pengunjung membanjiri Kompleks Kolam Renang MBPJ, Kelana Jaya hari ini bagi memeriahkan **Pesta Renang Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Ke-15 Tahun 2025**, yang menampilkan penyertaan seramai **470 peserta** berusia antara lima hingga 73 tahun.

Kejohanan renang tahunan ini merupakan inisiatif bersama **MBPJ dan Kelab Renang Stingray**, yang berperanan sebagai platform berprestij untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat setempat.

Edisi kali ini mempertandingkan **sembilan (9) kategori** meliputi **Kumpulan A Lelaki dan Wanita (37 tahun ke atas)**, **Kumpulan B Lelaki dan Wanita (19–36 tahun)**, **Kumpulan 1 (16–18 tahun)**, **Kumpulan 2 (14–15 tahun)**, **Kumpulan 3 (12–13 tahun)**, **Kumpulan 4 (10–11 tahun)** dan **Kumpulan 5 (9 tahun ke bawah)**, melibatkan **empat (4) acara utama** iaitu **kuak lentang, kuak dada, kuak kupu-kupu dan gaya bebas**.

Menariknya, **dua (2) kategori baharu** turut diperkenalkan tahun ini iaitu **'Kicking' (7–8 tahun)** dan **'Kicking' (bawah 6 tahun)** sebagai usaha memperluas penyertaan kanak-kanak dalam sukan air serta memupuk minat terhadap renang sejak usia muda.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah **YB Tuan Lee Chean Chung, Ahli Parlimen Petaling Jaya; En. YM Ku Mustafa bin Ku Mohamad, Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat MBPJ; serta En. Mohamad Azreen bin Harun, Penyelaras Kelab Renang Stingray**.

Penganjuran berterusan acara seperti ini bukan sahaja menyemarakkan semangat kesukanan, malah menjadi medium membina perpaduan komuniti dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga bandar raya.

Pemenang bagi setiap kategori menerima pingat, sijil penyertaan dan hadiah bagi tiga tempat teratas sebagai tanda penghargaan terhadap semangat dan pencapaian masing-masing.

Selain pertandingan, pesta ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti santai seperti **Plinko, Flip-a-Chick, Bola Keranjang Mini, Ring Toss, Nerf Gun**, serta **gerai jualan dan trak makanan** yang menawarkan aneka juadah, minuman dan cenderahati kepada para pengunjung.



Kejohanan kali ini turut menerima sokongan daripada **UM Lion Dance Group, Tiger Balm, F&N, Champs Vitamin, MyBee, Biolyn, Mad Wave, Plan B Rehab** dan **NinjaZ** serta **sumbangan** daripada **Ahli-ahli Majlis MBPJ**.

Pesta Renang MBPJ terus menjadi wadah penting dalam memperkukuh penglibatan masyarakat terhadap aktiviti rekreasi dan kesukanan, selaras dengan aspirasi MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya sihat, aktif dan inklusif.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (93)

Tarikh: 10 November 2025

## MBPJ PERKUKUH PENGURUSAN TENAGA LESTARI KE ARAH BANDARAYA RENDAH KARBON 2030

**Petaling Jaya, 10 November 2025** – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus mengorak langkah progresif dalam agenda kelestarian bandar dengan melancarkan **Pelan Tindakan Bangunan Rendah Karbon Petaling Jaya 2025–2035**, sekali gus memperkukuh komitmen mencapai status Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2030.

Pelan ini diumumkan dalam **Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Bangunan Rendah Karbon Petaling Jaya dan Seminar Garis Panduan Pemakaian MS: 1525 serta Penggunaan Sistem Building Energy Data Online Monitoring System (BEDOS) bagi Cadangan Pembinaan Bangunan Baru dan Renovasi** yang diadakan di Hotel Sheraton Petaling Jaya, hari ini.

Majlis telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**. Peluncuran ini menandakan satu lagi detik penting dalam transformasi bandar hijau, khususnya dalam mempertingkatkan kecekapan tenaga bangunan melalui pematuhan piawaian dan penggunaan teknologi pemantauan tenaga secara sistematik serta terarah.

### Dari Projek Perintis ke Agenda Strategik Bandar Rendah Karbon

Usaha ini telah dilaksanakan secara berfasa sejak tahun **2016** melalui pelaksanaan amalan pengurusan tenaga di bangunan Ibu Pejabat MBPJ, yang difasilitasi oleh SIRIM Berhad, organisasi korporat milik penuh Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Kewangan Incorporated.

Kejayaan projek perintis tersebut mendorong MBPJ untuk memperkukuh komitmen dengan menjalin kerjasama bersama **Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia** pada tahun 2018 hingga 2019, bagi merangka program strategik yang lebih menyeluruh.

Kerjasama ini dimeterai secara rasmi pada tahun 2020 untuk tempoh tiga tahun (2020–2023), menjadikan SEDA sebagai fasilitator utama dalam **Program Pengurusan Tenaga Lestari**. Program ini menekankan pematuhan **Piawaian Malaysia Standard MS: 1525** serta **pelaksanaan inisiatif tenaga boleh baharu (TBB)** sebagai sokongan terhadap matlamat rendah karbon.

### Pendekatan Menyeluruh dan Berimpak Tinggi

Program Pengurusan Tenaga Lestari MBPJ berteraskan lima (5) sub-kriteria utama iaitu:

1. Pembangunan Kapasiti (Capacity Building)



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

2. Pengurusan Tenaga (Energy Management)
3. Audit Tenaga (Energy Audit)
4. Sistem Pemantauan Dalam Talian (Online Monitoring System)
5. Bangunan Rendah Karbon (Low Carbon Building)

Kombinasi kelima-lima elemen ini telah membolehkan MBPJ meningkatkan kecekapan tenaga secara terancang, sistematik dan berimpak tinggi.

### **Menjayakan Aspirasi Nasional dan Global**

Sebagai pihak berkuasa tempatan yang proaktif, MBPJ menyokong aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45% menjelang tahun 2030 berdasarkan tahun rujukan 2005 seperti yang digariskan dalam COP21.

Dalam konteks tempatan, MBPJ turut menyasarkan pengurangan karbon sebanyak **33%** di Petaling Jaya menjelang 2030, selaras dengan ***PJ Climate Action Plan 2030*** berdasarkan pengukuran pelepasan gas rumah kaca (GHG) tahun 2021.

Sejak 2015, MBPJ telah membangunkan beberapa pelan strategik termasuk **Pelan Pengurusan Karbon MBPJ 2015–2020**, **Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon 2015–2030**, ***Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient (PJSSR) 2030***, ***PJ Climate Action Plan*** dan terkini **Pelan Tindakan Bangunan Rendah Karbon 2025–2035** yang menjadi rangka kerja penting ke arah transformasi Bandaraya Hijau dan Lestari.

### **Pencapaian Nyata dan Pengiktirafan**

Antara pencapaian signifikan yang direkodkan termasuk:

- Latihan pembangunan kapasiti kepada lebih 300 warga kerja dan pemegang taruh
- Audit tenaga di 11 bangunan MBPJ dengan penjimatan tenaga dianggarkan sebanyak 1,334,984.22 kWh setahun
- Pemasangan 14 sistem pemantauan tenaga dalam talian (BEDOS) di bangunan milik Majlis

Kejayaan ini turut diiktiraf di peringkat kebangsaan dan serantau apabila **Kompleks Sukan Astaka** memenangi **Anugerah Tenaga Nasional dan Anugerah Tenaga ASEAN 2022**, manakala **Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya** turut meraih pengiktirafan yang sama pada Oktober 2025 bagi kategori **Bangunan Kecekapan Tenaga (Energy Efficiency Building)**.

### **Komitmen Berterusan MBPJ**

Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya menegaskan bahawa pelaksanaan inisiatif ini bukan sahaja berupaya meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon, tetapi juga memperkukuh ketahanan bandar terhadap perubahan iklim yang semakin mencabar.

“MBPJ kekal komited memacu transformasi hijau melalui pelbagai inisiatif holistik dan berimpak tinggi, demi memastikan Petaling Jaya muncul sebagai peneraju bandar rendah karbon yang mampan, pintar dan berdaya saing. Kejayaan ini hanya dapat dicapai melalui kolaborasi erat antara agensi kerajaan, rakan strategik serta sokongan padu komuniti setempat yang menjadi nadi pembangunan bandar raya ini,” katanya.

Majlis turut diserikan dengan sesi Pengenalan Akta Kecekapan Tenaga dan Konservasi (EECA) oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia, Bengkel Pemahaman dan Penggunaan BEDOS serta sesi penerangan mengenai Borang EE dan simulasi pengisian data berdasarkan Standard MS: 1525.

### **Menuju Pembangunan Mampan dan Inklusif**

MBPJ akan terus memperluas pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga di semua bangunan dan kemudahan awam di Petaling Jaya bagi memastikan pembangunan yang mampan, inklusif dan sejahtera selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor (DPINS), Rancangan Selangor Pertama (RS-1) serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 11 & SDG 13).

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (94)

Tarikh: 11 November 2025

## DEEPAVALI DISAMBUT MERIAH, SEMARAK TRADISI DAN PERPADUAN KAUM

**Petaling Jaya, 11 November 2025** – Deepavali atau Pesta Cahaya merupakan lambang kemenangan kebaikan mengatasi kejahatan, kebenaran mengatasi kebatilan dan cahaya mengatasi kegelapan. Sehubungan itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini telah menganjurkan Sambutan Hari Deepavali MBPJ 2025 yang berlangsung penuh meriah dan berwarna-warni di Laman MBPJ.

Hampir 500 warga kerja MBPJ hadir memeriahkan sambutan yang menampilkan kepelbagaian budaya masyarakat India, sekali gus mencerminkan semangat perpaduan yang kukuh dalam organisasi. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Selain menjadi wadah mempererat hubungan silaturahim antara warga kerja pelbagai kaum, penganjuran ini turut menzahirkan penghargaan kepada warga kerja MBPJ berbangsa India atas dedikasi dan komitmen mereka dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti tinggi kepada komuniti Petaling Jaya.

Inisiatif ini juga selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembinaan masyarakat inklusif, saling menghormati serta memperkukuh kepercayaan antara satu sama lain. Perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi asas kepada cara kita bekerja, berfikir dan berinteraksi — sama ada di tempat kerja, dalam ruang digital mahupun kehidupan seharian.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menzahirkan harapan agar sambutan Deepavali membawa sinar kegembiraan, kasih sayang dan kedamaian kepada semua yang meraikannya.

“Marilah kita menghayati semangat Deepavali dengan penuh kesyukuran dan perpaduan. Semoga setiap pelita yang dinyalakan bukan sahaja menerangi rumah, tetapi juga hati dan minda kita agar terus menyemarakkan cahaya kemajuan, kasih sayang dan keharmonian dalam Malaysia yang kita cintai,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa sambutan Deepavali merupakan platform terbaik untuk memperkukuh perpaduan serta semangat saling menghormati dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Perayaan ini mengingatkan bahawa perpaduan dan tolak ansur adalah asas kekuatan rakyat Malaysia untuk terus hidup harmoni dalam masyarakat majmuk.



Sambutan tahun ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya persembahan tarian klasik Baratham yang memukau para tetamu. Selain disinari limpahan cahaya yang menambah seri suasana, para tetamu turut dihidangkan dengan pelbagai juadah istimewa masyarakat India seperti briyani ayam, tosai, idiyappam, pal appam, muruku dan pelbagai hidangan tradisi lain yang memikat selera.

Acara turut diserikan dengan persembahan oleh Artis Budaya MBPJ, bakat cilik dari Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak MBPJ, serta tarian tradisional penuh energi menjadikan sambutan kali ini meninggalkan kenangan manis buat setiap tetamu yang hadir.

MBPJ berharap agar sambutan Deepavali tahun ini terus membawa sinar kebahagiaan, keberkatan rezeki serta kemajuan kepada seluruh warga kerja dan komuniti Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (95)

Tarikh: 20 November 2025

## **PETALING JAYA INTERNATIONAL CHILD FRIENDLY CITIES EXPO 2025 TEKANKAN PEMBANGUNAN BANDAR INKLUSIF DAN SELAMAT UNTUK GENERASI MASA HADAPAN**

Petaling Jaya, 20 November 2025 - YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, hari ini merasmikan *Petaling Jaya International Child Friendly Cities Expo 2025* di Hotel Hilton, Petaling Jaya.

Ekspo anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **UNICEF Malaysia**, menghimpunkan pemimpin bandar, arkitek dan perancang, pengamal industri serta wakil komuniti bagi memperkukuh agenda bandar mesra kanak-kanak di peringkat tempatan dan serantau.

Dalam ucapan perasmian, YB Puan Anfaal menegaskan bahawa kadar perbandaran yang pesat menjadikan pembangunan inklusif dan keselamatan kanak-kanak sebagai keutamaan semua pihak. Beliau berkata lebih separuh kanak-kanak di dunia kini tinggal di kawasan bandar, manakala di Selangor, negeri paling pesat membangun - angka tersebut melebihi 90 peratus. Justeru, reka bentuk bandar, tadbir urus dan penyelenggaraan persekitaran urban memberi kesan besar terhadap kesejahteraan, peluang dan masa depan kanak-kanak.

“Apabila bandar tidak mengambil kira keperluan kanak-kanak, kita sebenarnya menjejaskan asas masa depan. Namun apabila bandar direka dengan berpaksikan mereka, ia menjadi lebih inklusif, sihat dan berdaya tahan untuk semua lapisan masyarakat,” katanya.

## **Dasar Negeri Selangor Perkukuh Ekosistem Pembangunan Kanak-kanak dan Keluarga**

YB Puan Anfaal turut menegaskan komitmen Kerajaan Negeri Selangor melalui pelbagai dasar berimpak tinggi, termasuk **Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Kanak-Kanak Selangor 2022–2025**, yang memberi penekanan kepada pembangunan inklusif, penyertaan kanak-kanak, sokongan awal kanak-kanak, perlindungan daripada risiko serta akses sama rata kepada perkhidmatan di kawasan bandar dan pinggir bandar.



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Dasar tersebut turut diperkukuh melalui inisiatif pemberdayaan wanita dan keluarga, program kesihatan mental serta **Dasar Ekonomi Penjagaan Selangor (2024–2025)**, dasar pertama seumpamanya di Malaysia yang mengiktiraf sektor penjagaan sebagai tonggak sosial dan pemacu ekonomi. Melalui dasar ini, pihak berkuasa tempatan digalakkan membangunkan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan masing-masing bagi menyokong keluarga, penjaga, ibu bapa bekerja dan kanak-kanak yang mempunyai keperluan pelbagai.

### **MBPJ Terus Unggul Sebagai Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak**

**MBPJ** kekal sebagai **satu-satunya pihak berkuasa tempatan (PBT) di Malaysia** yang menerima pengiktirafan **UNICEF** sebagai **Bandar Mesra Kanak-Kanak untuk dua tahun berturut-turut**. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam memastikan hak, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan dalam perancangan pembangunan bandar.

Usaha MBPJ dalam memperjuangkan agenda kanak-kanak dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi aspek perancangan bandar, mobiliti, penyediaan infrastruktur awam serta pengukuhan komuniti. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk penubuhan Majlis Kanak-Kanak PJ, penyediaan laluan ke sekolah yang lebih selamat, pembinaan taman permainan inklusif, penyediaan perpustakaan komuniti dan perpustakaan permainan, pembinaan hentian bas mesra kanak-kanak serta pelaksanaan pendekatan perancangan bandar secara partisipatif yang melibatkan penyertaan aktif kanak-kanak.

Selaras dengan dasar kerajaan negeri, MBPJ turut membangunkan **Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya**, menjadikannya PBT pertama yang mengambil langkah proaktif dalam memperkukuh model penjagaan berasaskan komuniti. Inisiatif ini bertujuan memperluas akses kepada perkhidmatan penjagaan di kawasan kejiranan, sekali gus menyokong keluarga, penjaga dan ibu bapa bekerja melalui penyediaan ekosistem penjagaan yang lebih inklusif dan mampan.

MBPJ kekal komited dalam melaksanakan dasar serta program yang menyokong pembangunan holistik kanak-kanak, seiring dengan aspirasi untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang selamat, mesra dan inklusif untuk semua.

### **Ekspo Sebagai Platform Perkongsian Kepakaran Serantau**

Ekspo bertaraf antarabangsa ini menjadi platform penting bagi perkongsian ilmu, latihan praktikal dan jaringan strategik antara pakar tempatan serta antarabangsa dalam pembangunan bandar mesra kanak-kanak. Melalui sesi pertukaran pengalaman, perbincangan panel dan aktiviti lapangan, ekspo ini memperkukuh kefahaman pelbagai pihak terhadap amalan terbaik dalam mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat, inklusif dan responsif.

Ekspo selama tiga (3) hari ini turut menampilkan pelbagai pengisian berimpak tinggi, termasuk pembentangan ucap tama yang memberi tumpuan kepada topik “*Measuring What Matters for Children in Cities*”, “*Child-Friendly Local Governance*” dan “*Public-Private-People Partnership*”. Selain itu, *Panel Session* turut dianjurkan dengan tema merangkumi *Child-Friendly Governance*, *Building Climate-Resilient Cities*, *Participatory Planning Models That Include Children’s Voices* dan *Inclusive Cities for All*. Sesi panel ini melibatkan penyertaan *speaker* antarabangsa dari Itali, China, Indonesia, Filipina dan India sekali gus memperkaya pertukaran ilmu serta perspektif global mengenai pembangunan bandar yang inklusif dan mesra kanak-kanak.

Program ini turut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti sampingan, antaranya bengkel, program Jom Ronda-Ronda PJ Bersama Prasarana, lawatan lapangan ke lima (5) lokasi terpilih di sekitar Petaling Jaya, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MBPJ dan UiTM serta program “Go Blue at the Park” yang berlangsung di Taman Jaya.

Penganjuran ekspo ini dijangka memperkukuh komitmen kolektif semua pihak dalam membangunkan bandar yang lebih selamat, inklusif dan kondusif — sebuah persekitaran di mana setiap kanak-kanak berpeluang untuk membesar, bermain, belajar dan berkembang dengan sepenuhnya.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, En. Robert Gass, Wakil UNICEF di Malaysia serta Pn. TPr. Hjh. Mazrina binti Abdul Khalid, Presiden Malaysian Institute of Planners (MIP), yang bersama-sama menunjukkan sokongan terhadap usaha memperkukuh agenda bandar mesra kanak-kanak di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (96)

Tarikh: 21 November 2025

## MBPJ CATAT KEJAYAAN AWAL PA24, KEBENARAN MERANCANG DILULUSKAN DALAM 24 JAM

Petaling Jaya, 21 November 2025 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini mengadakan **Majlis Penyerahan Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) di bawah Inisiatif PA24** bertempat di Dewan Bunga Tanjung, Tingkat 1, Ibu Pejabat MBPJ. Majlis ini telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya**.

**Inisiatif PA24**, atau Kebenaran Merancang dalam Tempoh 24 Jam merupakan pendekatan inovatif yang direka untuk merevolusikan proses kelulusan pembangunan berskala kecil serta memperkukuh kecekapan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT). Dilancarkan secara rasmi pada **25 Oktober 2025** oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, inisiatif ini diterajui oleh **Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ melalui kolaborasi strategik bersama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)**.

Program ini dirangka untuk menangani isu kelewatan kelulusan pelan pembangunan, khususnya Kebenaran Merancang (KM) **dengan mempercepatkan tempoh kelulusan daripada 42 hingga 98 hari kepada hanya 24 jam**, satu lonjakan besar ke arah sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas, efisien dan berimpak tinggi.

Keberkesanan inisiatif ini terbukti melalui kejayaan awal MBPJ **meluluskan dua (2) permohonan terawal dalam tempoh kurang daripada 24 jam** sejak pelaksanaannya pada November 2025:

1. Cadangan tambahan dan ubah suai sebuah banglo dua tingkat di Ara Damansara bagi pemohon Encik Tan Chong Hin dan Puan Loh Jenkim, diterima pada 20 November 2025 jam 4.00 petang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Unit Setempat (OSC) MBPJ pada hari ini.
2. Cadangan pembinaan rumah tiga tingkat berserta pondok pengawal di Tropicana bagi pemohon Encik Lau Joo Han dan Puan Ng Swee Kheng, diterima pada 20 November 2025 jam 4.15 petang dan turut diluluskan hari ini.

Kedua-dua kelulusan ini menjadi bukti kukuh bahawa Inisiatif PA24 bukan sahaja berkesan, malah memberikan impak segera kepada pemilik kediaman di Petaling Jaya. Kejayaan ini juga mencerminkan kemampuan MBPJ dalam memperkasa proses kerja dalaman melalui digitalisasi



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

dokumen, penyeragaman aliran semakan dan kerjasama profesional dengan rakan industri, memastikan ketepatan serta kepatuhan teknikal permohonan.

Pelaksanaan dan pencapaian awal ini mengukuhkan keyakinan bahawa PA24 bakal menjadi penanda aras baharu dalam tadbir urus bandar yang cekap, responsif dan berorientasikan masa hadapan. MBPJ akan terus memperluas usaha inovasi penyampaian perkhidmatan demi memastikan Petaling Jaya kekal sebagai bandar raya progresif, berdaya huni dan mesra pembangunan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (97)

Tarikh: 22 November 2025

## PETALING JAYA JADI TUMPUAN ANTARABANGSA, *PJ INTERNATIONAL CRITERIUM RACE 2025* HIMPUN PELUMBA DARI DALAM DAN LUAR NEGARA

Petaling Jaya, 22 November 2025 - *PJ International Criterium Race 2025* sekali lagi menjadi tumpuan apabila **500 pelumba** tempatan dan antarabangsa menyertai perlumbaan berbasikal berintensiti tinggi yang berlangsung meriah di Laman MBPJ hari ini.

Perlumbaan yang menguji kepantasan, kemahiran taktikal dan ketahanan fizikal para peserta ini berjaya menarik penyertaan pelumba dari **Korea Selatan dan Singapura**. Format kriterium yang menilai pemenang berdasarkan jumlah pusingan dalam tempoh masa tertentu menjadikan acara ini bukan sahaja dinantikan peminat sukan berbasikal di Selangor, tetapi turut mendapat perhatian pelumba luar negara.

Sebanyak **tujuh (7) kategori** dipertandingkan, iaitu **Men Junior, Men Elite, Men Open, Men Master, Men MTB Open, Women Junior dan Women Open** dengan tawaran hadiah keseluruhan berjumlah **RM35,000**.

Sejak 2022, perlumbaan kriterium di Petaling Jaya terus mencatat peningkatan penyertaan, termasuk daripada pelumba antarabangsa, menjadikannya antara acara berbasikal yang berkembang pesat di negeri ini.

*PJ International Criterium Race 2025* dianjurkan oleh **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **Persatuan Berbasikal Negeri Selangor (PBNS)** dan **Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM)**. PBNS turut menyediakan pasukan teknikal profesional bagi memastikan aspek keselamatan, pemarkahan dan operasi perlumbaan mematuhi piawaian ditetapkan, manakala PKBM menyokong penganjuran ini sebagai usaha memperkasa belia melalui platform sukan dan komuniti yang inklusif.

**YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, menyatakan bahawa penganjuran *PJ International Criterium Race 2025* merupakan manifestasi komitmen bandar raya ini dalam membangunkan budaya sukan yang progresif serta mengembangkan potensi bakat tempatan. Kehadiran pelumba luar negara turut membuktikan kemampuan Petaling Jaya sebagai tuan rumah bagi acara sukan bertaraf global.

"Melalui penganjuran seperti ini, kita bukan sahaja memperkukuh ekosistem sukan berbasikal, tetapi juga mempromosikan gaya hidup sihat serta memperkenalkan Petaling Jaya ke persada



antarabangsa. Ini selaras dengan aspirasi menjadikan PJ sebagai bandar raya paling bahagia dan mampan,” katanya.

Selain perlumbaan utama, pelbagai aktiviti keluarga turut memeriahkan Laman MBPJ termasuk Leisure @ PJ State, pertandingan mewarna kanak-kanak, *Soopa Doopa*, *Giant Bubble Balloon* dan program Jom Naik Tangga Menara MBPJ. Kehadiran *food truck* dan *flea market* turut menambah kemeriahan suasana.

Sesi pelepasan peserta disempurnakan oleh YB Tuan Lee Chean Chung, Ahli Parlimen Petaling Jaya bersama YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dan barisan Ahli-ahli Majlis MBPJ.

Acara ini bukan sahaja mengangkat imej Petaling Jaya sebagai destinasi sukan antarabangsa, malah menyumbang kepada peningkatan aktiviti komuniti serta pembangunan ekonomi setempat.

MBPJ sentiasa menyokong penganjuran program berimpak tinggi yang memperkukuh pembangunan sukan akar umbi serta membentuk komuniti Petaling Jaya yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (98)

Tarikh: 22 November 2025

## PETALING JAYA RAI KANAK-KANAK DAN HAK MEREKA MENERUSI PENGANJURAN GO BLUE AT THE PARK

**Petaling Jaya, 22 November 2025 – Taman Jaya** menjadi tumpuan warga Petaling Jaya hari ini apabila program **Go Blue at the Park** berlangsung dengan penuh meriah dan sarat dengan mesej perlindungan kanak-kanak. Acara ini disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**.

Program ini menandakan penutup yang amat signifikan kepada **Petaling Jaya International Child Friendly Cities Expo 2025**, ekspo selama tiga (3) hari yang menghimpunkan wakil kerajaan, pakar, pengamal sektor kanak-kanak, komuniti profesional, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta serta generasi muda. Ekspo ini turut menjadi platform penting untuk berkongsi ilmu, merangka penyelesaian, dan membina masa depan bandar yang lebih selamat, inklusif dan mesra kanak-kanak.

Dengan kerjasama **UNICEF**, pengumuman **Go Blue at the Park** bertujuan menghidupkan konsep bandar mesra kanak-kanak secara langsung di ruang awam. Pendekatan ini membolehkan kanak-kanak dan keluarga merasai sendiri kepentingan keselamatan, keseronokan, penyertaan serta hak mereka untuk membesar dalam persekitaran yang sihat dan menyokong perkembangan menyeluruh.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bukan sekadar bersifat hiburan, tetapi membawa simbolik mendalam terhadap komitmen Petaling Jaya untuk terus berdiri teguh bersama kanak-kanak, hari ini dan pada setiap masa.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menegaskan bahawa apabila kita mewarnakan bandar kita dengan biru, kita menegaskan bahawa kanak-kanak itu penting, kesejahteraan mereka penting dan masa depan mereka penting. Petaling Jaya akan terus menjadi bandar yang mendengar, memberdaya dan membangun bersama kanak-kanak, bukan hanya untuk mereka.

Program ini turut menerima sokongan padu daripada sekolah-sekolah, NGO, komuniti setempat, sektor swasta serta Majlis Kanak-Kanak PJ. Semua pihak berganding bahu menjayakan pelbagai aktiviti kreatif, interaktif dan mendidik, yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar, bermain dan bersuara.

Acara kemuncak ialah sesi penyalaan cahaya biru, yang menjadi simbol komitmen berterusan Petaling Jaya untuk membina sebuah bandar di mana setiap kanak-kanak merasa selamat, dihargai, didengar dan diraikan.



Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (99)

Tarikh: 23 November 2025

## KEBERANGKATAN DYMM TENGGU PERMAISURI SELANGOR MERIAHKAN PROGRAM EKONOMI LESTARI @ CBS KOTA DAMANSARA

Petaling Jaya, 23 November 2025 - Program Ekonomi Lestari @ CBS Kota Damansara hari ini diserikan dengan keberangkatan **Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin** ke tapak penganjuran di Car Boot Sale (CBS), Jalan Teknologi 3/9, Kota Damansara, Petaling Jaya.

Keberangkatan baginda disambut oleh YABhg. Datin Seri Masdiana Muhamad, Yang Dipertua PEKAWANIS, YBrs. Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Datin Hajah Syarmila binti Yahaya, Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor, YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar Negeri Selangor serta YBhg. Datin Rozana binti Kasbon, Pengerusi PERKEP Kontinjen Selangor.

### CBS Kota Damansara: Platform Ekonomi Komuniti yang Terus Berkembang

Car Boot Sale (CBS) @ Kota Damansara yang bermula pada tahun **2017** dengan **250 petak jualan** kini berkembang pesat sebagai platform keusahawanan komuniti yang signifikan. Pada tahun **2022**, jumlah petak dinaikkan kepada **459** berikutan permintaan tinggi dalam kalangan peniaga kecil, terutamanya yang menjual barangan *pre-loved* dan *bundle*.

Program ini menarik lebih **5,000 pengunjung** pada satu-satu masa, menjadikannya pemangkin ekonomi setempat melalui peningkatan jualan peniaga kecil serta limpahan ekonomi kepada perniagaan berhampiran.

### Mengangkat Agenda Bandar Lestari

Selaras dengan komitmen Petaling Jaya sebagai bandar rendah karbon, program ini memperkukuh amalan ekonomi kitaran melalui penjualan barangan terpakai yang membantu:

- i. Mengurangkan sisa komuniti
- ii. Mengurangkan kos pengurusan sampah
- iii. Memupuk budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat

Beberapa inisiatif kelestarian turut dijalankan, termasuk:



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pcjcitycouncil

- i. *Recycle & Redeem*
- ii. Program Eco Lestari untuk kanak-kanak TASKA MBPJ
- iii. Pengagihan pokok percuma
- iv. Pameran hijau oleh pelbagai agensi dan rakan strategik.

### **Keberangkatan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Menyerikan Program**

Majlis bertambah meriah dengan keberangkatan DYMM Tengku Permaisuri Selangor yang turut berkenan menyertai jualan barangan *pre-loved*, bersama PUSPANITA IRIS MBPJ, PERKEP Selangor, PERISMA Selangor serta personaliti Hieda Natasya.

Pengunjung turut berpeluang mengunjungi:

- i. Galeri DYMM Tengku Permaisuri Selangor
- ii. Kaunter PJ Eco Plaza
- iii. Pameran Anugerah MBPJ
- iv. Kaunter perkhidmatan Majlis

Aktiviti seperti *face painting* dan pemberian aiskrim percuma menambahkan keceriaan, khususnya buat para pengunjung cilik.

### **Pertandingan Mewarna Perkasa Kreativiti Kanak-Kanak**

Bagi menyemai kesedaran kelestarian dan kreativiti sejak usia awal, MBPJ dengan kerjasama **KEMAS** dan **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** telah menganjurkan **Pertandingan Mewarna** melibatkan **200 peserta** daripada Tadika KEMAS, TASKA MBPJ dan institusi awal kanak-kanak sekitar Petaling Jaya.

Pertandingan dibahagikan kepada **tiga (3) kategori**, memberi peluang kepada kanak-kanak menonjolkan bakat masing-masing dalam suasana yang ceria dan kondusif.

Secara keseluruhan, Program Ekonomi Lestari @ CBS Kota Damansara terus menjadi antara model terbaik bandar komuniti yang:

- i. Menggerakkan ekonomi setempat
- ii. Memupuk budaya kitar semula
- iii. Membudayakan gaya hidup hijau
- iv. Menyokong pembangunan ekonomi komuniti secara inklusif

Dengan sokongan padu daripada DYMM Tengku Permaisuri Selangor, agensi negeri, pemimpin komuniti serta masyarakat setempat, program ini kekal sebagai ikon pembangunan mampan di Petaling Jaya

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**

**Unit Komunikasi Korporat,**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**